



**MOHD. Shafie Apdal (kiri) meninjau ladang ternakan kerbau tenusu yang diusahakan oleh Mohd. Shahrul Daud (dua dari kiri) di Kampung Tok Rasul, Kulim, semalam.**

## RBC perkaskan ekonomi luar bandar

KULIM 19 Mac - Pertandingan Pelan Perniagaan Luar Bandar (RBC) berupaya melahirkan usahawan muda yang mampu memperkasakan ekonomi penduduk kawasan luar bandar, seterusnya membantu golongan belia lain mendapatkan pekerjaan.

Perkara itu diakui pemenang RBC edisi 2012, Mohd. Shahrul Daud, 30, yang mengusahakan projek kerbau tenusu di Kampung Tok Rasul dekat sini yang menerima geran sebanyak RM500,000 daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Menurut Pengarah Urusan MND Agro Ternak Farm itu, pembiayaan yang diterima menerusi RBC telah digunakan untuk membeli induk kerbau sebanyak 28 ekor selain menaik taraf kemudahan di ladang ternakannya.

Selain itu katanya, geran yang diterima melalui RBC juga telah digunakan sepenuhnya untuk mewujudkan produk hiliran berdasarkan susu kerbau seperti susu segar berperisa, dadih, ais krim dan terbaru keju.

"Saya amat bertuah kerana berjaya menjadi salah seorang pemenang untuk RBC pada 2012 yang membolehkan saya membangunkan projek kerbau tenusu ini selain meningkatkan ekonomi di kawasan kampung ini.

"Melalui projek ini saya berupaya membantu lima ibu tunggal, dua bapa tunggal dan 10 belia mengubah nasib hidup

mereka dengan bekerja di syarikat saya," katanya ketika diinterview selepas menerima lawatan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal semalam.

RBC merupakan pertandingan menyediakan rancangan perniagaan dalam kalangan belia membabitkan sektor pertanian, perkhidmatan, pelancongan desa dan pembuatan.

Pemenang akan dinilai oleh barisan juri yang dilantik oleh kementerian.

Mohd. Shahrul berkata, beliau memulakan perniagaan itu pada 2005 dengan menjalankan perniagaan lembu daging sebelum beralih kepada lembu tenusu.

Selain itu, dia juga mengusahakan projek tanaman nanas, jagung dan padi yang menjadi impiannya yang berkelulusan Diploma Pertanian dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Tambahnya, biarpun berupaya memperoleh hasil sebanyak 250 liter susu sehari atau kira-kira 7,500 liter susu sebulan namun jumlah itu masih belum mampu memenuhi permintaan tinggi di sekitar Kulim.

"Daripada susu yang dihasilkan itu, saya mampu mengeluarkan kira-kira 25,000 cawan dadih dan 3,500 botol susu segar sebulan.

"Saya berharap pengeluaran susu dapat dipertingkatkan selepas ini bagi memenuhi permintaan untuk produk keju yang bermutu tinggi," ujarnya.